

TRIOBION TABLET

Thiamine mononitrate (B1)/ Pyridoxine hydrochloride (B6)/ Cyanocobalamin (B12) (100mg/50mg/100mcg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Triobion Tablet
2. Bagaimana Triobion Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Triobion Tablet
4. Cara menggunakan Triobion Tablet
5. Semasa menggunakan Triobion Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Triobion Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Triobion Tablet

Triobion Tablet digunakan untuk pencegahan dan rawatan kekurangan vitamin B1, B6, B12.

Bagaimana Triobion Tablet berfungsi

Tablet Triobion membekal vitamin B1, B6 dan B12 untuk memastikan sistem saraf berfungsi dengan baik. Seperti semua vitamin lain, ianya adalah nutrien penting yang tidak dapat dihasilkan dalam badan.

Sebelum menggunakan Triobion Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Triobion Tablet jika:

- anda mempunyai alahan terhadap thiamine, pyridoxine, cyanocobalamin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk)
- anda mempunyai *Wernicke's encephalopathy* (kehilangan koordinasi otot dan kekeliruan)
- anda mempunyai Leber's disease (hilang penglihatan).

- Sebelum mula menggunakan Triobion Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- sensitif terhadap cobalamins lain (didapati secara semula jadi dalam makanan)

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Triobion Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Vitamin B12 boleh dirembeskan ke dalam susu ibu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- hydralazine (ubat untuk merawat tekanan darah tinggi)
- azathioprine (ubat untuk merawat keradangan)
- chlorambucil (ubat untuk merawat kanser)
- corticotropin (ACTH) (terapi hormon)
- cyclophosphamide (ubat untuk menghalang sistem imun)
- azathioprine, cyclosporine, mercaptopurine (ubat-ubatan adalah untuk mencegah penolakan organ semasa pemindahan organ)
- penicillamine (ubat untuk merawat penyakit Wilson dan keradangan di sekeliling sendi)
- estrogen atau kontraseptif (ubat untuk mencegah kehamilan)
- levodopa (ubat untuk Penyakit Parkinson)
- alkohol
- antibiotik termasuk cycloserine, ethionamide, isoniazid
- asid folik (suplemen kesihatan)
- aminosalicylates (ubat untuk mengurangkan keradangan dalam usus)
- colchicine (ubat gout)

Cara menggunakan Triobion Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa : 1 tablet

- Bila perlu digunakan

Gunakan 2 atau 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini untuk jangka masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Triobion Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Triobion Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan hentikan penggunaan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan Triobion Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu

TRIOBION TABLET

Thiamine mononitrate (B1)/ Pyridoxine hydrochloride (B6)/ Cyanocobalamin (B12) (100mg/50mg/100mcg)

bagaimana Triobion Tablet memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Triobion Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang jarang berlaku:

- reaksi alahan yang teruk (batuk; kesukaran untuk menelan; gegata; bengkak muka, bibir, atau kelopak mata; berdehit atau kesukaran bernafas)
- dos pyridoxine yang tinggi (2 hingga 6 gram sehari) boleh menyebabkan kerosakan saraf deria yang teruk, berjalan dengan tidak stabil, kekebasan tangan/kaki dan terlepas objek yang digenggam secara tiba-tiba.

Kesan sampingan yang kurang kerap:

- cirit-birit
- gatal-gatal kulit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Triobion Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering dan terlindung daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, berwarna merah jambu, dan bersalut lapisan gula.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Thiamine mononitrate (B1), pyridoxine hydrochloride (B6), (B12) cyanocobalamin

- Bahan-bahan tidak aktif

Corn starch, PVP-K90, croscarmellose sodium, lactose, magnesium stearate

- Nombor MAL:

MAL19950115XCZ

Pengilang

Teraputics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100
Simpang Ampat, S.P.S., Pulau Pinang,
Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
(445695-T)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100
Simpang Ampat, S.P.S., Pulau Pinang,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

14/01/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)071221/00090